

16 APR 1998

Mahathir-Severino/BI

MAHATHIR SERU KERJASAMA ASEAN DAN ANTARABANGSA ATASI JEREBU

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menegaskan perlunya Asean bekerjasama mengatasi masalah jerebu kerana ia menjejaskan semua pihak di rantau ini.

Setiausaha Agung Asean Rodolfo Severino Jr berkata hari ini perkara itu dinyatakan Dr Mahathir kepada beliau pada pertemuan mereka di Jabatan Perdana Menteri di sini.

"Beliau (Dr Mahathir) juga menegaskan tentang perlunya untuk menggerakkan bantuan antarabangsa," kata Severino kepada wartawan selepas mengunjungi Dr Mahathir.

Selain jerebu, perbincangan mereka juga menyentuh masalah yang dihadapi negara Asean ekoran krisis kewangan dan masalah ekonomi sekarang.

Severino berkata mesyuarat menteri alam sekitar Asean di Brunei baru-baru ini telah membuat keputusan supaya Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNEP) menjadi pusat bagi menyelaraskan bantuan antarabangsa.

"Bantuan luar perlu diselaraskan dengan lancar untuk mengelakkan pembaziran dan pertindihan, di samping memastikan segala keperluan dipenuhi," katanya.

Severino berkata Asean telah menyertai program Bank Pembangunan Asia untuk merangka langkah-langkah bagi memastikan adanya bantuan luar daripada aspek jangka panjang seperti penyelidikan dan latihan.

"Mereka telah bersetuju untuk menubuhkan pusat penyelidikan dan latihan di sebuah universiti di Kalimantan tengah. Tawaran juga diterima bagi membekalkan pelbagai peralatan untuk melawan kebakaran," kata beliau.

Jerebu muncul semula di sesetengah bahagian beberapa negara di rantau ini ekoran kebakaran hutan dalam musim kering yang berlarutan sekarang.

Pada mesyuarat di Brunei itu, Asean memutuskan untuk mengadakan dua rangka kerja melawan kebakaran bagi wilayah Kalimantan dan Sumatra/Riau di Indonesia.

Apabila ditanya sama beliau membincangkan masalah pendatang haram dengan Dr Mahathir, Severino berkata perkara itu tidak dibangkitkan.

"Kami hanya berbincang mengenai kesan krisis (kewangan) terhadap rantau ini...sesetengah daripada elemen krisis itu tidakpun kerana kesilapan mana-mana negara yang berkenaan atau syarikat yang terlibat. Namun, semua pihak menderita," katanya.

Beliau berkata kerana itulah Asean perlu mempunyai satu suara bersama dalam menyelesaikan masalah itu pada peringkat antarabangsa.

Severino, dari Filipina, dilantik memegang jawatan Setiausaha Agung Asean pada Januari lepas untuk penggal 1998/2002, menggantikan Datuk Ajit Singh dari Malaysia.

Beliau berada di sini bagi menghadiri mesyuarat dua hari pegawai kanan Asean-China yang bermula esok.

Asean terdiri daripada Brunei, Indonesia, Malaysia, Laos, Myanmar, Singapura, Thailand, Filipina dan Vietnam.

-- BERNAMA

MAM NMO